

# Rakyat perlu berani suarakan pendapat isu perpaduan

m/s: 5  
BH - 6/12/2019

**Putrajaya:** Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail menegaskan, amalan politik sempit tidak wajar diberi ruang berkembang di Malaysia.

Sehubungan itu, Timbalan Perdana Menteri mahu rakyat Malaysia lebih berani menyuarakan pandangan berhubung sikap saling menghormati dan semangat perpaduan bagi terus memperkukuh amalan demokrasi di negara ini.

“Rakyat harus bersuara dan menyatakan dengan jelas identiti serta amalan demokrasi di negara ini.

“Jika tidak, suara kebencian dan permusuhan akan terus bercambah serta dibimbangi memberi kesan buruk kepada semua.

“Kita harus menggunakan medium komunikasi untuk memperkukuh amalan demokrasi. Ja-

ngan biarkan ia dikuasai pentasub dan mereka yang menyemai kebencian,” katanya berucap pada Workshops of the World Communicate 2019 (WowComm) di sini, semalam.

Beliau berkata, usaha perlu ditumpukan untuk mewujudkan naratif positif seperti kebersamaan, nilai mulia dan saling menghormati.

“Jadikan naratif positif sebagai suara paling kuat dan dominan,” katanya.

Beliau turut memberi contoh pendekatan komunikasi diambil bekas Presiden Afrika Selatan, Nelson Mandela, dalam menangani ketegangan antara rakyat kulit hitam dan kulit putih susulan pembunuhan pemimpin golongan muda negara itu, Chris Hani, pada 1993.

“Bukan mudah memberitahu



**Dr Wan Azizah bersama Presiden IDEAS, Tunku Zain Al Abidin Tuanku Muhriz (tiga dari kanan) melawat pameran selepas perasmian WowComm 2019 di Putrajaya, semalam.**  
(Foto Luqman Hakim Zubir/BH)

pengikut Hani untuk bertenang, Afrika Selatan pada ketika itu di ambang perang saudara, jadi persengketaan mudah tercetis.

“Bagi meredakan ketegangan ini, Mandela memilih pendekatan komunikasi menerusi siaran televisyen dan meminta kedua-dua

kumpulan itu menolak pihak yang mengagungkan peperangan dan bersama maju ke hadapan,” katanya.

Justeru, Timbalan Perdana Menteri berkata, lebih ramai rakyat harus bersuara demi mempertahankan demokrasi, selain

kebebasan untuk generasi akan datang.

Dr Wan Azizah turut meminta rakyat peka dalam usaha membina masa depan negara yang lebih baik selain berkomunikasi secara rasional bagi membezakan baik dan buruk sesuatu perkara.